

## **20/11/2016 - Majlis Perhimpunan Khas Penjawat Awam Negeri Terengganu**

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

**YB. Dato' Haji Nawawi bin Haji Wan Ismail**

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

**YBhg. Dato' Azih bin Muda,**

Presiden CUEPACS

**YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Barisan Kepimpinan CUEPACS,

Pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri,

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Datin-Datin

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

### **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena Majlis Perhimpunan Khas Penjawat Awam Negeri Terengganu di Kuala Terengganu, Terengganu pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada barisan kepimpinan CUPECAS kerana sudi menjemput saya untuk menghadiri majlis yang amat bermakna ini. Sekalung penghargaan juga saya ucapkan khususnya kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu kerana turut bersama dalam menjayakan program pada hari ini.

3. Adalah menjadi harapan saya, majlis seumpama ini akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara kita semua dan secara tidak langsung, dapat dijadikan landasan untuk kita bertukar fikiran dan pandangan demi kesejahteraan bersama.

#### **KERAJAAN YANG PRIHATIN:**

#### **PENGHARGAAN KEPADA PENJAWAT AWAM**

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Sebagaimana kita semua sedia maklum, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri telah membentangkan Bajet 2017 pada Oktober yang lepas. -

5. Bajet 2017-mencerminkan keprihatian dan komitmen Kerajaan terhadap keseimbangan pertumbuhan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat yang merangkumi para penjawat awam. - Salah satu intipati daripada Bajet ini ialah penghargaan ke atas khidmat bakti dan jasa penjawat awam dalam pembangunan negara.

Antara faedah yang diberi kepada penjawat awam dalam bajet tersebut termasuk:

- i. Peningkatan had kelayakan minimum pinjaman perumahan kerajaan kepada RM200,000 dan had kelayakan maksimum kepada RM750,000 bagi penjawat awam;
- ii. Had pinjaman pembelian motosikal yang dinaikkan daripada RM5,000 ke RM10,000;
- iii. Pelanjutan pegawai Contract of Service dan Contract for Service selama sekurang-kurangnya setahun;
- iv. Pemberian kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh kepada Kumpulan Pelaksana;
- v. Pemberian Cuti Kuarantin Tanpa Rekod selama 5 hari kepada pegawai yang mempunyai anak dijangkiti penyakit berjangkit yang perlu dikuarantinkan;
- vi. pemberian Imbuhan Tahunan/Bantuan Khas Kewangan;

vii. pengenalan lapisan gred baru 56 di antara gred 54 dan JUSA C bagi Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Pergigian Pakar; dan

viii. pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi warganegara Malaysia di Kementerian Kesihatan selewat-lewatnya Disember 2016;

Oleh yang demikian, sebagai penjawat awam, kita seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan dan terus melaksanakan Bajet 2017 ini, agar rakyat akan terus menikmati dan memperolehi faedah seperti yang diumumkan Kerajaan.

### **PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1MALAYSIA (PPA1M)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Selain Bajet 2017, Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) juga telah diperkenalkan dan kini giat dilaksanakan. Ia merupakan salah satu ~~daripada~~ program Kerajaan untuk memberi peluang kepada para penjawat awam memiliki rumah sendiri -dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Harga jualan rumah PPA1M adalah dalam lingkungan RM90,000 hingga RM300,000.

7. Sebanyak 2,000 unit PPA1M akan dibina di Kuala Terengganu yang telah diluluskan untuk pembinaan diseluruh nNegeri Terengganu. Sebanyak 30,000 unit lagi PPA1M akan disiapkan pada tahun hadapan di seluruhnegera.

8. Sebagai penjawat awam, kita menikmati pelbagai insentif dan penambahbaikan skim perkhidmatan. Kita seharusnya menunjukkan penghargaan kepada Kerajaan menerusi sokongan terhadap aspirasi Kerajaan. Apakah aspirasi Kerajaan? Aspirasi Kerajaan adalah penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan terbaik dalam memenuhi keperluan rakyat.

9. Bagaimanakah kita sebagai penjawat awam, mampu untuk menyokong aspirasi Kerajaan? Caranya adalah dengan berkhidmat dengan penuh komitmen, berdedikasi dan berintegriti.

## **MEMPERKUKUHKAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Sejak kebelakangan ini, masyarakat umum termasuk penjawat awam, telah dikejutkan dengan laporan siasatan yang dijalankan oleh SPRM ke atas beberapa agensi kerajaan termasuk GLC. Yang terkini, melibatkan sebuah jabatan kerajaan negeri. Berita-berita seperti ini telah mencemarkan imej perkhidmatan awam dan sedikit sebanyak, menimbulkan kekhawatiran dalam kalangan rakyat terhadap keupayaan penjawat awam menjalankan tugas dengan integriti. Rakyat bimbang bahawa gejala ini menular dalam kalangan penjawat awam. Mereka bimbang sekiranya sistem, prosedur dan tatacara perolehan kewangan yang telah ditetapkan dan dirangka bagi memastikan kelicinan penyampaian perkhidmatan awam, tidak lagi dipatuhi oleh penjawat awam.

11. Terdapat peribahasa Melayu “Nila setitik, rosak susu sebelanga”. Dalam konteks yang berlaku sekarang, saya ingin menegaskan bahawa, saya tidak percaya bahawa majoriti penjawat awam, termasuk kita disini pada hari ini, menyokong tindakan penyelewengan mereka yang disiasat dan didapati bersalah oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan.

12. Malah, saya yakin majoriti penjawat awam menjalankan tugas dengan amanah, jujur dan berintegriti. Hanya disebabkan tindakan segelintir penjawat awam yang bertindak di luar batasan undang-undang, ia tidak membawa maksud seluruh penjawat awam berkelakuan sedemikian.

13. Kalau kita sekadar mengungkap bahawa kita akan berpandukan kepada sistem dan tatacara kerja yang ditetapkan, ia tidak akan membawa apa-apa makna. Untuk mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam, para penjawat awam perlu membuktikan dengan tindakan. Saya telah membincang dan mendapat persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa projek-projek yang bernilai RM500 juta ke atas perlu mempunyai pegawai SPRM dan Jabatan Audit Negara untuk turut terlibat dalam penilaian projek yang berkenaan.

14. Dalam mengukuhkan lagi langkah-langkah sedia ada, Kerajaan telah bersetuju supaya Jabatan Audit Negara melihat semula pelan audit setiap kementerian dan agensi kerajaan termasuk skop pengauditan, kekerapan audit dan pembentangan laporan audit kepada pengurusan tertinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif

Oleh yang demikian, sebagai penjawat awam kita seharusnya meningkatkan dan memperkukuhkan pembudayaan integriti agar ia menjadi sebahagian daripada amalan di dalam diri kita. Hal ini adalah sangat penting kerana apabila kita mempunyai kesedaran serta menjadikan integriti sebagai amalan seharian, maka akan wujudlah satu persekitaran kondusif untuk pembudayaan nilai integriti dalam organisasi kita.

### **STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Saya baharu sahaja melakukan Lawatan Kerja ke UTC Kuala Terengganu. UTC adalah merupakan sebuah inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri kita. Melalui NBOS, Kerajaan telah dapat melaksanakan secara pantas projek-projek berkost rendah yang memberikan impak tinggi kepada rakyat. -menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan utama di bawah satu bumbung. Ini memudahkan rakyat dalam berurusan dengan sektor kerajaan.

17. Kini terdapat lebih daripada 90 buah inisiatif dibawah NBOS yang dilaksanakan. Kesemua inisiatif ini bukan sahaja menunjukkan komitmen penjawat awam malah kesediaan Perkhidmatan Awam dalam mengadaptasi dengan perubahan keperluan dan ekspektasi rakyat pada masa kini.

### **FOKUS KEPADA PELAKSANAAN TUGAS**

Hadirin sekalian,

18. Penjawat awam tidak boleh leka dan menjalankan tugas dengan norma kerja biasa walaupun ia tidak efisien dan berkesan. Penjawat awam harus menumpukan usaha kepada *core business* atau tugas utama yang sepatutnya dilaksanakan dan jangan buang masa atau bersikap sambil lewa. Sekiranya terdapat benda atau perkara yang boleh kita elakkan, kurangkan atau hapuskan tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, maka kita perlu bertindak sedemikian. Kalau sesuatu perkara boleh diselesaikan dalam masa yang singkat menggunakan proses yang lebih efisien tanpa menjejaskan tadbir urus, maka seharusnya pendekatan tersebut diambil.

19. Sebagai contoh, Air Asia. *Business model* Air Asia terbukti berjaya membolehkan pelanggan mengambil penerbangan dengan kos paling optimum. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah yang asas tanpa perkara-perkara lain yang tidak diperlukan oleh penumpang. Demikian juga, sebagai penjawat awam, kita perlu menyampaikan perkhidmatan awam yang memenuhi kehendak rakyat, pada kos yang paling optimum dan masa yang paling singkat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Tiada benda atau perkara yang sempurna di dunia. Di mana-mana negara atau sistem pentadbiran, akan adanya kelemahan. Apa yang menjadi persoalan ialah, **apakah peranan kita sebagai rakyat, mahupun penjawat awam, dalam memperbaiki kelemahan tersebut.** Kita juga **perlu bersyukur dengan apa yang kita nikmati sekarang.** Baru-baru ini, saya telah pergi ke luar negara untuk menghadiri mesyuarat. Semasa berada di sana, saya telah dimaklumkan oleh Duta kita bahawa kos perubatan hospital kerajaan di negara terbabit, yang merupakan sebuah negara maju, jauh lebih mahal daripada Malaysia.

21. Oleh yang demikian, kita seharusnya bersyukur dengan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan. Tambahan pula, Kerajaan kita sentiasa mengutamakan kebajikan penjawat awam, samada yang masih berkhidmat atau dah bersara. Marilah kita bersama-sama, menumpukan usaha dan memberikan sepenuh komitmen dalam membantu

menjayakan aspirasi Kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian.

22. Akhir kata, saya berharap perjumpaan kita pada hari ini dapat meningkatkan lagi semangat kerjasama di antara semua penjawat awam di Terengganu demi kesejahteraan rakyat yang sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang terbaik dari Kerajaan.

Semoga kerjasama padu seperti ini akan terus terjalin untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal hidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.*

**©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office**

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2098>